

`Umar kerana kata-katanya ini. Begitu juga dengan kata beliau: "Sesungguhnya dia (Haathib) adalah seorang munafiq." Maksud Saiyyidina `Umar dengan katanya munafiq itu ialah nifaq amali bukan nifaq i'tiqaadi. Kalau begitu tidak ada pun pertentangan di antara kata-kata Saiyyidina `Umar dengan larangan Baginda s.a.w. itu. Soal kenapa Saiyyidina `Umar meminta izin daripada Rasulullah s.a.w. untuk membunuh Haathib dengan memenggal lehernya pula tidak semestinya kerana kekufurannya. Hukum bunuh boleh juga dikenakan sebagai ta'zir kerana sesuatu jenayah berat seperti yang dilakukan oleh Haathib itu. **Kenapakah pula Allah berfirman** di dalam hadits Qudsi tentang ahli Badar sebegitu rupa: "Lakukan apa saja yang kamu kehendaki, syurga tetap menjadi milikmu. Atau (syak perawi) Allah berfirman, sesungguhnya Aku telah mengampunimu." Apakah maksud firman Allah ini? Adakah ia bererti ahli Badar telah dikecualikan daripada bebanan dan ikatan syari'at? Jika dilihat kepada amalan mereka, jelas sekali menunjukkan mereka juga tetap terikat dengan syari'at seperti orang-orang lain. Jadi apakah maksudnya? Beberapa jawapan telah diberikan. Antara lainnya ialah: (1) Perisytiharan pengampunan melalui hadits Qudsi ini hanya melibatkan dosa-dosa yang lepas. Ia tidak melibatkan dosa-dosa yang akan datang. Hakikat ini dapat difahami daripada firman Allah: "Sesungguhnya Aku telah mengampunimu." غَفَرْتُ لَكُمْ telah digunakan sighah madhi untuknya. Ini jawapan yang diberikan oleh Hafiz Ibnu Hajar dan lain-lain pensyarah hadits. Tetapi jawapan ini tidak disenangi banyak pihak disebabkan ada penggunaan sighah amar di dalamnya. Perkataan اَعْمَلُوا dengan jelas menunjukkan pengampunan yang tersebut di dalam hadits ini melibatkan masa hadapan, bukan masa lepas. Adapun penggunaan sighah madhi pada غَفَرْتُ, ia tidak lebih daripada untuk menyatakan kepastian adanya pengampunan Allah untuk kesalahan-kesalahan yang mungkin dilakukan mereka pada masa-masa akan datang. (2) Khithaab Allah di dalam hadits qudsi ini adalah untuk memuliakan dan menghormati ahli Badar. Ia bukan untuk mengecualikan mereka daripada ikatan syari'at. Mereka seperti orang-orang lain juga tetap terikat dengan syari'at. Sebagai memuliakan mereka Allah mengampunkan dosa-dosa mereka yang lalu. Untuk dosa-dosa yang mungkin dilakukan mereka pada masa akan datang pula, Allah memberikan kekuatan dan taufiq kepada mereka untuk segera bertaubat dan beristighfar kepadaNya. Lalu Allah menerima taubat mereka. Dengan itu tepatlah untuk ahli Badar apa yang diifirmankan Allah di dalam hadits qudsi ini. (3) Ada juga yang berpendapat, apa yang difirmankan oleh Allah di dalam hadits qudsi ini merupakan jaminan Allah dan berita gembira daripadaNya tentang keterpeliharaan ahli Badar daripada melakukan dosa-dosa. Namun pendapat ini tidak benar sama sekali, kerana para ahli Badar tetap tidak ma'shum dan mereka terbukti terus terdedah kepada dosa-dosa seperti orang-orang lain juga. (4) Syah Waliyyullah berpendapat, apa yang tersebut di dalam hadits ini ialah tentang kelebihan dan keistimewaan ahli Badar. Hadits ini tidak bermaksud mengecualikan mereka daripada segala amalan fardhu dan wajib. Ia hanya sekadar menyatakan jika ahli Badar itu tidak mengambil berat sangat tentang amalan-amalan sunat atau amalan-amalan yang besar fadhilatnya sekalipun, mereka tetap mendapat pahala amalan-amalan sunat atau amalan-amalan yang besar fadhilatnya itu. (5) Penulis berpendapat, hadits ini bermaksud menyatakan kelebihan dan keutamaan ahli Badar. Peribadi dan kefahaman mereka tentang Islam begitu mantap. Andaikata mereka diberi kebebasan untuk melakukan apa saja yang dikehendaki sekalipun, mereka tetap akan menjaga batas-batas syari'at. Mereka bahkan lebih berasa malu apabila diberikan kebebasan mutlaq untuk berbuat apa saja. Hakikat ini dapat anda saksikan dengan jelas dalam riwayat hidup mereka. Perlu sekali diingat bahawa kelebihan dan

keistimewaan ahli Badar yang diberikan sebagai berita gembira itu hanyalah berkaitan dengan hukum akhirat. Ia tidak ada kena mengena dengan hukum-hakam dunia. Andaikata salah seorang daripada mereka terlibat dalam kes-kes yang melibatkan hukum hudud dan qishas misalnya, mereka juga tidak terlepas daripadanya. **Antara pengajaran, pedoman, panduan dan hukum** yang dapat diambil daripada hadits ialah: (1) Keperluan mendedahkan rahsia pengintip atau pembocor rahsia negara, sama ada lelaki atau perempuan jika ada faedahnya atau jika merahsiakannya akan membawa kepada bahaya dan kemudharatan yang besar. (2) Pembocor rahsia negara, terutamanya rahsia ketenteraan negara boleh dikenakan hukuman mati. Bagaimanapun hukuman itu bukanlah merupakan hukuman had yang mesti dilaksanakan. Ia hanya termasuk dalam hukuman ta'zir yang boleh berubah-ubah mengikut keadaan dan individu yang terbabit. (3) Dalam sesetengah kes, hukum terhadap orang yang telah banyak berjasa kepada negara perlu dipertimbangkan. Ia mungkin elok dilepaskan saja, jika telah tersasul dalam hanya satu dua tindakannya. (4) Ketua negara atau wakilnya sahaja yang dapat menentukan bentuk hukuman ta'zir ke atas seseorang penjenayah. (5) Kelebihan orang yang mempunyai jasa dalam sesuatu pergerakan, perjuangan atau masyarakat. (6) Kelebihan ahli Badar. Kerana telah ikut serta bersama-sama Nabi s.a.w. dalam peperangan Badarlah Hathib bin Abi Balta'ah terlepas daripada hukuman. Baginda s.a.w. tidak mengenakan sebarang tindakan ke atas beliau walaupun telah melakukan satu kesalahan yang amat besar terhadap negara. (7) Hadits ini mengandungi salah satu mu'jizat Nabi s.a.w. Ia dengan jelas membuktikan Baginda s.a.w. memang seorang rasul Allah (utusan Allah). Menerusi wahyu, Baginda telah menceritakan tentang seorang perempuan yang membawa surat Hathib kepada ketua-ketua kafir Quraisy. Beberapa orang sahabat diutuskan supaya pergi ke suatu tempat bernama Raudhah Khakh untuk mengambil surat Hathib itu dan membawa juga bersama perempuan berkenaan. Apa yang disebut Rasulullah s.a.w. itu semuanya tepat. (8) Keharusan menggeledah rumah, kenderaan dan lain-lain kepunyaan seseorang yang diragui, demi mencari sesuatu barang yang terlarang atau sesuatu yang boleh menggugat keselamatan negara. (9) Jika perlu, orang yang diragui mempunyai atau memiliki sesuatu barang yang terlarang dan diharamkan oleh pihak kerajaan boleh digertak, diancam dan diugut dengan berbagai-bagai cara, termasuk dengan menelanjangkannya. (10) Allah boleh mengampunkan dosa sesiapa saja yang dikehendakiNya. Dia juga boleh melepaskan seseorang pendosa daripada azab tertentu yang dijanjikanNya, terutamanya orang yang keta'atannya melebihi kejahatannya. (11) Hukum orang yang melanggar sesuatu perintah atau larangan dengan alasan dan hujah tertentu tidak sama dengan hukum orang yang melanggarnya dengan sengaja tanpa sebarang alasan dan hujah. (12) Kelebihan berkata benar. (13) Keyakinan seorang sahabat Nabi s.a.w. terhadap janji Allah di dalam al-Qur'an. (14) Keyakinan dan kepatuhan para sahabat terhadap segala perintah dan arahan Rasulullah s.a.w. (15) Orang yang melakukan kesalahan besar seperti yang telah dilakukan oleh Hathib itu menurut Saiyyidina 'Umar tidak salah jika dikatakan pengkhianat dan munafiq. Rasulullah s.a.w. juga tidak menagur 'Umar atas kata-katanya itu. Malah sebaliknya mengecualikan Hathib daripadanya saja, kerana beliau seorang ahli Badar. (16) Penduduk Mekah tidak mendapat layanan yang sama daripada pihak pemerintah Mekah. Orang-orang yang ada keluarga dan sanak saudaranya di sana dilayan mereka dengan agak baik. Sementara orang-orang yang tidak mempunyai keluarga dan sanak saudara seperti Hathib pula tidak layan dengan baik. (17) Manusia menurut tabi'at semula jadinya kasih kepada ahli keluarga dan harta bendanya. Kerana itu ia akan sedaya upaya menjaga dan melindunginya dengan apa cara sekalipun. (18)

Jasa dan kelebihan seseorang harus dikenang walaupun ia ada melakukan beberapa kesilapan atau dosa. (19) Ahli Badar adalah antara sahabat Rasulullah s.a.w. yang dijamin syurga. (20) Beradab dan sopannya `Umar dengan Rasulullah s.a.w. Walaupun dalam keadaan amat marah, beliau masih dapat mengawal perasaannya dan tidak bertindak terhadap Hathib. (21) Kata Hafiz Ibnu Hajar, `Umar menangis boleh jadi kerana terlalu gembira dengan pernyataan Rasulullah di akhir hadits tentang keistimewaan ahli Badar. Boleh jadi juga kerana kesal dan berasa rendah diri lantaran ucapannya yang kasar terhadap Hathib. (22) Berdasarkan riwayat yang lain para `uulma` mengatakan ketelanjuran Hathiblah yang telah menjadi sebab kepada turunnya lima ayat di permulaan Surah al-Mumtahanah. Lihatlah ayat-ayat berkenaan bersama-sama terjemahannya di bawah ini:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَتَّخِذُوْا عَدُوِّيْ وَعَدُوَّكُمْ اَوْلِيَاۡءَ تُلْقُوْنَ اِلَيْهِمْ بِالْمُودَةِ وَقَدْ كَفَرُوْا بِمَا جَآءَكُمْ مِنَ الْحَقِّ تُخْرِجُوْنَ الرَّسُوْلَ وَاِيَّاكُمْ ۚ اَنْ تُوْمِنُوْا بِاللّٰهِ رَبِّكُمْ اِنْ كُنْتُمْ حَرَجْتُمْ جِهَدًا فِىْ سَبِيْلِىْ وَابْتِغَآءَ مَرْضَاتِىْ اِلَيْهِمْ بِالْمُودَةِ وَاَنَا۠ اَعْلَمُ بِمَا اَخْفَيْتُمْ وَمَا اَعْلَنْتُمْ ۚ وَمَنْ يَفْعَلْهُ مِنْكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ السَّبِيْلِ ﴿١٩﴾ اِنْ يَتَّقُوْكُمْ يَكُوْنُوْا لَكُمْ اَعْدَآءٌ وَيَسْتُوْطُوْا اِلَيْكُمْ اَيْدِيْهِمْ وَالسُّوۡءُ وَوَدُّوْا لَوْ تَكْفُرُوْنَ ﴿٢٠﴾ لَنْ تَنْفَعَكُمْ اَرْحَامُكُمْ وَلَا اَوْلَدُكُمْ ۚ يَوْمَ الْقِيَمَةِ يَفْصِلُ بَيْنَكُمْ ۚ وَاللّٰهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ بَصِيْرٌ ﴿٢١﴾ قَدْ كَانَتْ لَكُمْ اُسُوۡةٌ حَسَنَةٌ فِىْ اِبْرٰهِيْمَ وَالَّذِيْنَ مَعَهُۥٓ اِذْ قَالُوْا لِقَوْمِهِمْ اِنَّا بُرَءُۤاُ مِنْكُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُوْنَ مِنْ دُوْنِ اللّٰهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ اَلْعَدَآءُ وَالْبَغْضَآءُ اَبَدًا حَتّٰى تُوْمِنُوْا بِاللّٰهِ وَحَدُّهُۥٓ اِلَّا قَوْلَ اِبْرٰهِيْمَ لَآبِيْهِ لَاۤ اَسْتَغْفِرَنَّ لَكَ وَمَاۤ اَمْلِكُ لَكَ مِنَ اللّٰهِ مِنْ شَيْءٍ ۚ رَبَّنَا عَلٰىكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ اُنْتَبَاۤءُ وَلِلّٰهِ اَلْمَصِيْرُ ﴿٢٢﴾ رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلَّذِيْنَ كَفَرُوْا وَاَغْفِرْ لَنَا رَبَّنَا ۚ اِنَّكَ اَنْتَ الْعَزِيْزُ الْحَكِيْمُ ﴿٢٣﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuhmu menjadi teman-teman setia yang kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita Muhammad), karena rasa kasih sayang; Padahal sesungguhnya mereka telah ingkar kepada kebenaran yang datang kepadamu, mereka mengusir Rasul dan (mengusir) kamu karena kamu beriman kepada Allah, Tuhanmu. Jika kamu benar-benar keluar untuk berjihad di jalanKu dan mencari keridhaanKu (janganlah kamu berbuat demikian). Kamu memberitahukan secara rahsia (berita-berita Muhammad) kepada mereka, karena rasa kasih sayang. Aku lebih mengetahui apa yang kamu sembunyikan dan apa yang kamu nyatakan. Dan barangsiapa di antara kamu yang melakukannya, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang lurus. (1)

Jika mereka menangkap kamu, niscaya mereka bertindak sebagai musuh bagimu dan melepaskan tangan dan lidah mereka kepadamu dengan menyakiti(mu); dan mereka ingin supaya kamu (kembali) kafir. (2)

Kaum Kerabat dan anak-anakmu sekali-sekali tiada bermanfaat kepadamu pada hari kiamat. Dia (Allah) akan memisahkan antara kamu. Dan (ingatlah) Allah Maha melihat segala apa yang kamu kerjakan. (3)

Sesungguhnya telah ada suri tauladan yang baik bagimu pada Ibrahim dan orang-orang yang bersama dengannya; ketika mereka berkata kepada kaum mereka: “Sesungguhnya Kami berlepas diri daripada kamu dan daripada apa yang kamu sembah selain Allah, kami ingkari (kekafiran)mu dan telah nyata antara kami dan kamu permusuhan dan kebencian buat selama-lamanya sampai kamu beriman kepada Allah saja. kecuali perkataan Ibrahim kepada bapaknya: “Sesungguhnya aku akan memohonkan ampunan bagi kamu dan aku tiada dapat menolak sesuatupun dari kamu

٣٩٨٢- حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ الْجُعْفِيُّ حَدَّثَنَا أَبُو أَحْمَدَ الزُّبَيْرِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ الْعَسِيلِ عَنْ حَمْرَةَ بْنِ أَبِي أُسَيْدٍ
وَالزُّبَيْرِ بْنِ الْمُنْذِرِ بْنِ أَبِي أُسَيْدٍ عَنْ أَبِي أُسَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ بَدْرٍ إِذَا أَكْتُبُوكُمْ
فَارْزُمُوهُمْ وَاسْتَبْقُوا نَبْلَكُمْ

3982- 'Abdullah bin Muhammad al-Ju'fi¹⁰¹ meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Ahmad (Muhammad bin 'Abdillah al-Asadi) az-Zubairi¹⁰² meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdur Rahman (m.171H) bin al-Ghasil¹⁰³ meriwayatkan daripada Hamzah bin

(siksaan) Allah". (Ibrahim berkata): "Wahai Tuhan kami! hanya kepada Engkaulah Kami bertawakkal dan hanya kepada Engkaulah Kami bertaubat dan hanya kepada Engkaulah kami kembali." (4)

"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami (sasaran) fitnah bagi orang-orang kafir dan ampunilah kami wahai Tuhan kami; Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana". (5) (al-Mumtahanah: 1-5).

¹⁰⁰ Ini ialah bab tanpa tajuk. Pada kebiasaannya bab tanpa tajuk di dalam Sahih Bukhari dianggap sama seperti fasal di dalam kitab-kitab lain. Dengan itu ia masih lagi mengandungi hadits-hadits tentang peperangan Badar atau apa-apa yang ada kaitannya dengan perang Badar.

¹⁰¹ 'Abdullah bin Muhammad al-Ju'fi ini dikenali juga dengan 'Abdullah bin Muhammad al-Musnadi.

¹⁰² Az-Zubairi ini bukanlah nisbah kepada Zubair bin al-'Awwaam, sahabat Nabi s.a.w. yang terkenal itu. Ia adalah nisbah kepada Zubair yang lain. Sebabnya ialah Abu Ahmad bukan dari kalangan anak cucu Zubair bin al-'Awwaam. Demikian kata al-Kirmaani dan al-Qasthallaani.

¹⁰³ Al-Ghasil bukanlah nama sebenar ayah 'Abdur Rahman perawi hadits ini. Silsilah nasab 'Abdur Rahman selengkapnya ialah 'Abdur Rahman bin Sulaiman, bin 'Abdir Rahman bin 'Abdillah bin Hanzalah al-Ghasil. Jadi al-Ghasil itu sebenarnya adalah sifat kepada Hanzalah yang merupakan datuk ketiga 'Abdur Rahman. Oleh kerana 'Abdur Rahman dari cucu-cicit Hanzalah, beliau selalu juga dipanggil Ibnu al-Ghasil. Sebabnya Hanzalah disifatkan dengan al-Ghasil (orang yang dimandikan) ialah kerana beliau telah mati syahid dalam peperangan Uhud dalam keadaan berjunub. Setelah jenazah Hanzalah ditemui di kalangan sahabat-sahabat nabi yang terbunuh dalam peperangan itu, rambut beliau didapati sedang menitis air seperti orang yang baru dimandikan. Melihat keadaannya itu Rasulullah s.a.w. terus bersabda: "Para malaikat telah memandikannya". Bermula dari peristiwa itulah Hanzalah digelar dengan "Orang yang dimandikan oleh para malaikat" (غسيل الملائكة).